



Semua Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri,
Pegawai Daerah,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 3 TAHUN 2008**

***GARIS PANDUAN PENGURUSAN BANTUAN KERAIAN
BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG***

Tujuan

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan berkaitan pengurusan Bantuan Keraian bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Latar Belakang

2. Sejumlah RM5,000.00 setahun mulai tahun 2008 diperuntukkan bagi setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) bagi maksud membantu pembiayaan majlis keraian samada Hari Raya Aidilfitri / Tahun Baru Cina / Deepavali / Hari Natal, atau gabungan mana-mana majlis keraian tertakluk kepada peruntukan RM5,000.00 yang diluluskan.

Pengurusan Bantuan

3. Peruntukan bantuan keraian kepada setiap Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) akan disalurkan oleh Jabatan Kewangan Negeri kepada Pejabat Daerah dalam bentuk Waran Peruntukan Kecil.
4. Y.B. ADUN perlu mengemukakan resit/bil perbelanjaan bantuan keraian yang disahkan kepada Pegawai Daerah bagi tujuan pembayaran. Pegawai Daerah seterusnya hendaklah menguruskan pembayaran melalui sistem SPEKS dalam tempoh 14 hari setelah projek disahkan siap dan dokumen tuntutan bayaran yang lengkap diterima, seperti mana ketetapan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 2006.
5. Pegawai Daerah juga dikehendaki melaporkan prestasi perbelanjaan secara suku tahunan kepada Jabatan Kewangan Negeri.

Tarikh Kuatkuasa

6. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tahun 2008. Pemberian bantuan keraian sebanyak RM5,000.00 setahun ini bolehlah digunakan sepenuhnya bagi tahun semasa sahaja dan tidak dibenarkan di bawa ke tahun berikutnya.

` BERKHIDMAT UNTUK NEGARA `

Saya yang menurut perintah,

[DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 3 Januari 2008

s.k.: Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Seri Timbalan Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan
Pulau Pinang.